

21/06/2003

Pelabur asing dibenar miliki ekuiti 100 peratus

Norliza Abdullah

KERAJAAN kini membenarkan pelabur asing memiliki sehingga 100 peratus dalam semua projek industri pembuatan, tanpa mengira syarat eksport, berkuat kuasa 17 Jun lalu.

Mengikut syarat baru itu, pemilikan 100 peratus ekuiti oleh asing dibenarkan bagi semua projek pelaburan baru, pelaburan tambahan dan pelaburan mempelbagaikan projek oleh syarikat sedia ada.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, kelonggaran itu diberikan kepada semua projek pelaburan tanpa mengira had eksport masing-masing.

"Bagaimanapun, garis panduan berhubung syarat ekuiti dan eksport yang dikenakan kepada syarikat sebelum ini, akan terus dikekalkan.

"Beberapa kelonggaran akan diberikan kepada mereka yang memohon untuk tidak tertakluk syarat itu berdasarkan merit masing-masing," katanya.

Rafidah mengumumkan demikian ketika berucap di majlis jamuan tengahari tahunan Dewan Perdagangan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia (MICCI)

di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau berkata, kelonggaran syarat pemilikan ekuiti oleh asing bagi projek pembuatan itu dibuat sebagai usaha proaktif kerajaan memperkukuh kemasukan pelaburan asing ke negara ini.

Langkah itu juga dilihat sebagai usaha berterusan kerajaan memperbaiki dasar sedia ada bagi mewujudkan suasana yang lebih mesra pelabur.

Ia juga sejajar Pakej Strategi Baru yang diumumkan Perdana Menteri Datuk

Seri Dr Mahathir Mohamad, Mei yang menyarankan supaya dasar sedia ada dikemas kini.

Pada Julai 1998, kerajaan mengambil langkah melonggarkan syarat pemilikan ekuiti oleh pelabur asing dengan memperkenalkan beberapa pengecualian.

"Menerusi dasar itu, keanjalan diberikan kepada pelabur tempatan dan asing dari segi pegangan ekuiti dalam semua aspek sektor pembuatan kecuali

untuk tujuh kegiatan dan produk," katanya.

Ia membabitkan pembungkusan kertas, pembungkusan plastik, komponen beracuan plastik suntikan, fabrikasi dan stamping logam, pendawaian abah-

abah, pusat perkhidmatan dan percetakan keluli.

Bagaimanapun, pengecualian yang diberikan itu terhad kepada permohonan yang diterima sehingga 31 Disember ini.

Rafidah berkata, berikutan kajian semula daripada polisi terdahulu, kerajaan menetapkan pegangan ekuiti 100 peratus oleh pelabur dibenarkan bagi menyesuaikan dengan iklim pelaburan setempat.